



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Sijil **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan mempunyai Sijil Taraf Bumiputera serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred atau Kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

Bil.	Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Tarikh & Tempat Taklimat	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh & Tempat Tutup Sebut Harga	Harga Dokumen
1.	PEMBINAAN SEKOLAH BAHARU KOMPLEKS SEKOLAH 24 BILIK DARJAH DAN 6 KELAS PPKI DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN BERKAITAN DI SK KRUBONG 2, MELAKA (KOMPLEKS) KP(BP-T)/SBTH/3/2024-KERJA-KERJA MEMBEKAL DAN MEMASANG PERABOT BINA DALAM (BUILT-IN FURNITURE)	Kesemua syarat di bawah adalah wajib: <ul style="list-style-type: none">◆ Terbuka Bumiputera/T1◆ CIDB Gred G3 (Berdaftar di Melaka)◆ Kategori: B◆ Pengkhususan: B07◆ Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)◆ Mempunyai Perakuan Pendaftaran (PKK) dengan CIDB◆ Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK	Tarikh : 10 Jun 2024 (Isnin) Pendaftaran : 11.00 – 11.30 pagi Taklimat : 11.30 pagi Lawatan : 12.00 tengahari Tempat : Tapak SK Krubong 2 Jalan Persiaran Ilmu, 75260 Krubong, Melaka (Taklimat dan Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN)	14 Jun 2024 (Jumaat) – 26 Jun 2024 (Rabu) Tempat: Kaunter Jualan Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya	4 Julai 2024 (Khamis) Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari Tempat: Bilik Peti Tender, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya	Percuma

Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai Sebut Harga adalah seperti berikut :

2.

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	9:00 pagi – 12:00 tengahari dan 2:30 petang – 4:00 petang
Jumaat	9:00 pagi – 12:00 tengahari

3.

Kaunter pendaftaran akan dibuka pada jam 11.00 pagi sehingga sesi taklimat bermula. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan untuk menyertai Sebut Harga. Kontraktor yang hadir ke Taklimat dan Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali siji-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) **Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra. Hanya Penama di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat boleh menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat yang diadakan. Kontraktor / syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama di dalam PPK, SPKK atau Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor. Perwakilan kuasa adalah tidak dibenarkan sama sekali.**

4.

Dokumen Meja Sebut Harga disediakan untuk semakan di **Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya** pada waktu pejabat.

5.

Kontraktor perlulah membawa **surat perwakilan kuasa dan salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputra (tidak dikembalikan) semasa membeli dokumen Sebut Harga.**

6.

Bayaran dokumen hendaklah dibayar atas nama **KETUA AKAUNTAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** berpaling dalam bentuk **Bank Draf** sahaja. Bayaran dokumen ini tidak akan di kembalikan.

7.

Dokumen Sebut Harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk Sebut Harga dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga di alamat berikut :-

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN
ARAS 1, BLOK E2, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA**

8.

Semua kos yang berkaitan dengan tawaran Sebut Harga di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang **LEWAT diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.**

9.

KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.
Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Seksyen Rendah, Bahagian Pembangunan, KPM di talian 03-8884 9104 / 9088 atau melalui emel: bp.r@moe.gov.my.